



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ AWANG HAJI BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA AWANG HAJI OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN MAULUD
NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM
PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1447 HIJRAH**

**PADA HARI SABTU, 13 RABIULAWAL 1447H
BERSAMAAN 06 SEPTEMBER 2025.**

**BERTEMPAT DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIN,
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah wasysykrulillah. Kita memuji segala kebesaran dan kemuliaan Allah Subhanahu wa Ta'ala sambil mensyukuri segala rahmat dan ni'mat-Nya yang banyak tidak terkira.

Ampun Beribu Ampun,

Disembahkan bahawa dengan izin Allah dan dengan berkat-Nya jua yang mendaulatkan Kebawah Duli Tuan Patik selaku Raja dan Wali al-Amri yang adil berdaulat menaungi nusa - memimpin rakyat kekal bahagia, maka kita senegara pada pagi ini menyambut mera'ikan Maulud Nabi Muhammad Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* Junjungan kita, dalam suasana meriah, berhimpun dan berarak, dengan iringan laungan selawat ke atas Nabi yang diutus oleh Allah sebagai *rahmatan li'aalamiin*.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

[Surah al-Anbia: 107]

Maka dengan penuh hormat dan ta'azim hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian iaitu Penasihat-Penasihat dan semua peringkat Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Bertindak Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam beserta dengan kepimpinan agensi-agensi Kerajaan dan Swasta yang mendampingi Kementerian Hal Ehwal Ugama mengendalikan bersama Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* tahun ini, iaitu Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan juga Bank Islam Brunei Darussalam, menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik menyerikan Perhimpunan dan seterusnya berkenan akan mengepalai Perarakan sebanyak 95 buah pasukan yang terdiri daripada pasukan-pasukan tidak bernombor, kementerian-kementerian, Institut Pengajian Tinggi, Maktab, Sekolah Menengah, Majlis Perundingan Kampong, Takmir Masjid, Persatuan-persatuan awam dan Sektor Swasta – yang jumlah keseluruhannya 5,557 orang.

Sesungguhnya hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dalam Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* ini bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa Brunei Darussalam negara kita yang tercinta ini dapat meneruskan tradisi yang baik, tradisi menyambut Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai tanda kita bersyukur menjunjung tinggi kurnia Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mentakdirkan majoriti rakyat dan penduduknya turun temurun mendapat hidayat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, beragama Islam dan mendaulatkannya menjadi ugama rasmi negara. Seterusnya kita sekalian bersyukur Brunei Darussalam diberkati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan kekal berpemerintahan beraja yang Islami, pemerintahan yang menyantuni rakyat, generasi demi generasi,

memimpin ke arah kebajikan, berusaha mencapai kejayaan yang berkat dengan berkemajuan yang seimbang, demi dunia dan akhirat, selaras dengan mafhum ayat:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

[Surah al-Hajj: 41]

Demikianlah disembahkan. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik.

Dan seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Demikian juga sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisura
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Dan juga sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria,

Ucapan terima kasih atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di
Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat iaitu Majlis Mesyuarat Diraja,
Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Majlis Mesyuarat Ugama Islam
dan Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Mulia, Timbalan-Timbalan Menteri,

- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Tuan Yang Terutama, Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin dan para peserta perhimpunan.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengunggayahkan serta menjayakan majlis yang berkebajikan ini dari awal hingga akhir. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merahmati kita sekalian di dunia ini dengan berkat berselawat untuk Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan mengharap syafaat baginda di hari akhirat kelak.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, *Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Daraina 8, Simpang 530,
Km 13 Jalan Kota Batu,
BD 2517, Brunei Muara.
11hb Rabiulawal 1447H / 4hb September 2025M